

| | | | |
|------------|--------------|---------|-------|
| TARIKH | 3 / 7 / 2015 | SEKSYEN | Agama |
| MUKA SURAT | 24 | RUANGAN | |

Wajib Haji

Tidak dibuat tetap sah tapi dikenakan dam

MENGERJAKAN ibadat haji adalah satu keforduan bagi mereka yang telah mencukupi syarat-syarat wajib menunaikan haji. Jutaan manusia mengerjakan haji pada setiap tahun dengan harapan dan matlamat yang satu iaitu mendapat haji yang mabrur.

Untuk mendapatkan haji mabrur bukannya satu perkara yang mudah, tidak semudah dilafazkan. Inilah yang memerlukan persediaan ilmu yang bersungguh-sungguh dan *ittiqamah* serta beramal dengannya. Ilmu berhubung ibadat haji yang luas ini tidak hanya terhenti pada perkara rukun sahaja, malah merangkumi perkara-perkara wajib, sunat dan sebagainya.

Selain daripada rukun-rukun haji seperti yang telah dibicarakan dalam siri sebelum ini, jemaah haji juga perlu mengetahui apakah yang dikatakan Wajib Haji? Wajib haji ialah pekerjaan yang wajib dilakukan ketika menyempurnakan haji.

Jika tidak dikerjakan salah satu daripadanya, haji tersebut tetap sah, tetapi dikenakan dam menurut syarat-syaratnya dan juga akan menanggung dosa jika meninggalkan perkara tersebut dengan sengaja.

Enam perkara Wajib Haji iaitu:
1. Bermiat ihram di Miqat.
2. Meninggalkan larangan ihram.
3. Mabit (bermalam) di Muzdalifah.
4. Melontar anak batu di Jamarah Kubra.
5. Mabit (bermalam) di Mina.

6. Melontar anak batu di tiga Jamarah, iaitu Jamarah Stughra, Jamarah Wusta dan Jamarah Kubra.



TABUNG HAJI
في الرحمة

1. BERNIAT IHRAM DI MIQAT

Niat ihram ialah lafaz niat untuk mengerjakan ibadat haji atau umrah, ia tertakluk kepada cara pelaksanaan haji yang dipilih iaitu sama ada haji *Tamattu'*, *Ifrad* atau *Qiran*. Niat tersebut hendaklah dilafazkan di *Miqat*.

Contoh Lafaz niat ihram haji:
"Sahaja aku mengerjakan haji dan berharam dengannya kerana Allah SWT".
Apakah yang dimaksudkan dengan *Miqat*?

Miqat ialah ketentuan tempat atau sempadan atau masa untuk bermiat ihram haji atau umrah. *Miqat* pula terbahagi kepada dua bahagian iaitu:

a. *Miqat Zamani* haji ialah masa bagi seseorang untuk bermiat ihram haji, ia bermula dari 1 Syawal hingga sekiranya terbit fajar (masuk waktu Subuh) pada 10 Zulhijjah. Tempoh inilah yang dinamakan bulan-bulan haji. *Miqat Zamani* umrah pula ialah sepanjang masa selain dari masa sedang berharam haji.

b. *Miqat Makani* ialah ketentuan tempat atau sempadan untuk bermiat

bicara haji

Oleh NUKMAN FADZIL
Pengurus Kanan (Bimbingan)
Lembaga Tabung Haji

Ihram haji atau umrah. Pada masa kini, kebiasaannya hanya dua *miqat* sahaja yang dilalui oleh jemaah haji dari Malaysia iaitu:

1. *Qarn al-Manazil*. Bagi jemaah haji yang dijadualkan penerbangan masuk ke Jeddah dan seterusnya ke Mekah dari Malaysia.

2. *Zulhulfaifah (Dir Ali)*. Bagi jemaah haji yang dijadualkan penerbangan dari Malaysia turun di Jeddah kemudian ke Madinah atau dari Malaysia terus ke Madinah selepas itu barulah masuk ke Mekah.

Jemaah haji yang melaksanakan haji *Tamattu'* akan bermiat umrah terlebih dahulu ketika melalui *Miqat* yang ditetapkan. Niat haji akan disempurnakan di Mekah (tempat penginapan), kebiasaannya pada 8 Zulhijjah.

Jemaah haji yang melaksanakan haji *Ifrad* atau *Qiran* akan bermiat haji terlebih dahulu ketika melalui *Miqat* yang ditetapkan. Niat umrah pula akan disempurnakan pada kebiasaannya di Tan'im, Ja'aranah atau Hudaibiyah selepas selesai melaksanakan haji.

Walaupun bagaimanapun, menurut pandangan para ulama, jemaah haji boleh bermiat ihram sebelum melepasi kawasan atau sempadan *Miqat*, tetapi yang terbaik adalah

sebaik sahaja memasuki/iba di *Miqat* yang

ditetapkan. Ibnu Munzir menjelaskan bahawa semua ulama sepakat mengatakan dibenarkan bermiat ihram sebelum *Miqat*.

Bagaimana jemaah haji akan mengetahui *Miqat* manakah yang akan dilaluinya untuk bermiat, sama ada niat ihram haji atau umrah?

Jemaah haji perlu mengambil perhatian yang dipilih oleh jemaah haji, iaitu sama ada melakukan haji *Tamattu'*, *Ifrad* dan *Qiran* dan juga ada kaitan dengan jadual penerbangan haji yang akan dikeluarkan oleh TH.

Jika bethajet bermiat ihram lebih awal dan contohnya dalam pesawat (bagi kes *Miqat* yang dilalui nanti adalah *Qarnul Manazil*) maka niat hendaklah dilafazkan setelah empat atau lima jam mengharungi perjalanan udara. Tidak digalakkan bermiat terlalu awal contohnya di Kompleks Haji Kelana Jaya atau Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur Sepang.

2. MENINGGALKAN LARANGAN SEMASA DALAM IHRAM



BERMALAM di Muzdalifah adalah antara enam perkara yang terkandung dalam Wajib Haji. - GAMBAR HIASAN

Jemaah haji perlu memahami perkara berhubung larangan semasa dalam ihram. Walaupun hanya perkara wajib haji jemaah haji perlu memberi tumpuan dan perhatian kerana membina akan memberi kesan terhadap mencapai matlamat haji mabrur.

Meninggalkan larangan semasa dalam ihram bermaksud setelah jemaah haji bermiat ihram sama ada haji atau umrah maka haram melakukan perkara yang ditegah, sekiranya melakukan perkara tersebut maka dikenakan dam menurut syarat-syaratnya. Sekiranya dilakukan juga dengan sengaja maka ia akan memberi kesan dosa.

Dalam pelaksanaan ibadat haji, jemaah akan dikira bebas daripada 10 larangan ihram (no. 1 hingga 10) di atas setelah *berthahallul Awwal*, iaitu melakukan dua daripada tiga perkara berikut:

- i- Melontar Jamarah Kubra
- ii- Tawaf dan Sa'le
- iii- Berucukur atau Bergunting

Manakala sekiranya telah melakukan ketiga-tiga perkara di atas maka jemaah haji dikira telah *thahallul Thani* dan akan bebas semua larangan ihram.

Ini berbeza dengan pelaksanaan ibadat umrah, iaitu jemaah akan dikira bebas daripada semua larangan ihram setelah selesai melakukan tawaf, sa'le dan berucukur.

Berdasarkan pengalaman penulis, perkara mengengalkan jemaah haji, khususnya dikenakan dam atau tidak, berdos atau tidak berdos, sengaja atau tidak sengaja, jika dilakukan dalam keadaan lupa dan sebagainya.

Sekiranya jemaah haji memerlukan penjelasan dan bantuan bagi menyelesaikan permasalahan dan sebagainya mereka dinasihatkan merujuk terus kepada Pembimbing Ibadat Haji Tanah Suci (PHITAS) yang bertugas di bangunan Penginapan Jemaah Haji Mekah dan Madinah (Pusat Perkhidmatan Maktab dan Zon), jangan malu dan teragak-agak serta elakkan sama sekali menghantar wakil (kawan) untuk bertanya kepada Pembimbing Ibadat Haji Tanah Suci.

Sepatutnya jemaah haji yang memerlukan bantuan hendaklah datang bertanya terus kepada PHITAS. Ini penting bagi mengelak perasaan was-was timbul di kemudian hari.

(Ikuti sambungan rencana ini dan soalannya pada Bersiri Sini 11 pada Edaran Bicara Haji minggu hadapan)

LARANGAN IHRAM

1. Memotong kepala atau sebahagian daripadanya (telaki sahaja).
2. Memotong muka (perempunan sahaja).
3. Memakai pakaian yang berjahit secara bercontum atau bersarung (telaki sahaja). (Memakai kain pelebat dengan cara tidak menyarung ke dalamnya adalah dibenarkan)
4. Memakai sarung (tangan, (telaki dan perempunan)
5. Meninggalkan rambut atau bulu dari mana-mana anggota badan. (Perlu ditingatikan bagi kes rambut/bulu yang jarang bukan disebabkan oleh sebab atau perbuatan tangan maha tidak berdos dan tidak dikenakan dam). (telaki dan perempunan)
6. Mengeprat atau memotong kuku. (telaki dan perempunan)
7. Memakai wangi/wangian sama ada di badan, pakaian, atau menyembunya ke dalam hidung (telaki dan perempunan) (Gandum, Ubat gigi atau Syampu yang ada wangian dibenarkan penggunaannya hanya sekadar keperluan bagi tujuan membersihkan sahaja). Penggunaan minyak ubat-gasak yang terdapat wangian seperti minyak serai wang, minyak balm dan sebagainya adalah dibenarkan.
8. Memakai minyak di rambut atau seluar dan semasa bulan anabul haram (telaki dan perempunan) pipi dan di dada. (telaki dan perempunan)
9. Memotong/menebang/mengeprat atau mencabut pokok-pokok di Tanah Haram. (telaki dan perempunan)
10. Memburu binatang buruan yang halal dimakan atau membunuhnya di Tanah Haram atau Tanah Halal. (telaki dan perempunan)
11. Melakukan mukulamah (penudhahan) pesertatubuhan. (telaki dan perempunan)
12. Bersetubuh. (telaki dan perempunan)
13. Berkahwin/mengahwinkan/menerima wakil kahwin. (telaki dan perempunan)